



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEmenanjung MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN:

LJT 6 Pt.6/(96)

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel: 03-4085199 (Setiausaha)
Tel: 03-4085191 (Pejabat Am)
Tel: 03-4086793 (Pejabat Am)
Fax: 03-4085178

28 Mei 1998

Se semua Juruukur Tanah Berlesen

Tuan,

**MEMPROSES TUNTUTAN BAYARAN KEMAJUAN 50%/60%
OLEH JURUUKUR TANAH BERLESEN APABILA
MENJALANKAN UKURAN LOT**

Lembaga Jurukur Tanah, Semenanjung Malaysia (Lembaga) ketika memproses tuntutan tersebut di atas telah kerap kali mendapati bahawa beberapa Juruukur Tanah Berlesen (JTB) tidak dapat mengemukakan kerja-kerja ukur berkenaan dalam tempoh 6 bulan sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling LJT 2/87 selepas menerima bayaran kemajuan 50%/60%. Kelewatan ini adalah atas pelbagai sebab dan alasan. Bilangan kerja-kerja yang bermasalah ini seharusnya dapat dibendung kepada tahap minimum.

2. Sehubungan dengan perkara ini, Lembaga memerlukan agar JTB, apabila memohon bayaran kemajuan berkaitan, memastikan supaya kerjaluar adalah teratur dengan mengemukakan salinan penyata tikaian lurus akhir (Final computations) bagi lot masing-masing dan garisan-garisan sambungannya untuk melukis Pelan Akui.

3. JTB terbabit juga hendaklah mengesahkan bahawa kerjaluar adalah dalam had tikaian lurus sebagaimana dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Berlesen, 1959.

Keperluan-keperluan di atas akan dikuatkuasakan bermula 8 Jun 1998.

Sekian untuk makluman tuan. Terima kasih.

(CHUN MING KEE; AMN PJK)
Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia